



**SAYA ADA WANG...  
SEKARANG APA?**

***Bagaimana Untuk Menjadi  
"Pintar Kewangan"***



Dicetak oleh:



اوتوريتي مونيتاري بروني دارالسلام  
AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM

Isu Pengguna Kewangan

Dicetak pada Januari 2018

Hak Cipta Terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem dapatan semula, atau dipindahkan, dalam apa jua bentuk atau dengan cara apa jua, sama ada cara elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin daripada penerbit.

Hak Cipta 2018

## **Isi Kandungan**

Objektif Buku Ini	i
Apa Itu Perancangan Kewangan?	1
Bagaimana Perancangan Kewangan Boleh Membantu Awda?	1
Gaya Hidup dan Peringkat Kehidupan	2
Bajet	3-4
Simpanan	5-6
Lindungi Kewangan Awda	7-8
Takaful dan Insurans	9-10
Pinjaman	11-12
Peranan AMBD	13
Biro Kredit	14
Pelaburan	15-16
Penipuan Kewangan	17-18

## **Objektif Buku Ini**

Objektif buku ini adalah untuk memberi panduan dan tips kepada pengguna kewangan (seperti awda!) sebelum membuat sebarang transaksi atau keputusan berkaitan dengan kewangan.

Buku ini juga memberikan maklumat yang awda boleh gunakan di dalam pengurusan kewangan peribadi awda.

Kewangan awda terletak di tangan awda sendiri, jadi bertindak dan kawallah kewangan awda - "Jadilah Pintar Kewangan"!



# Apa Itu Perancangan Kewangan?

- ✓ Perancangan kewangan melibatkan:
  - ✓ **mengoptimalkan** wang.
  - ✓ **melindungi** kewangan.
  - ✓ **melipatgandakan** harta.
  - ✓ **memenuhi** keperluan.
  - ✓ **mencapai** matlamat kewangan.
- ✗ Perancangan kewangan **TIDAK** bermaksud:
  - ✗ awda perlu mengubah gaya hidup secara drastik sehingga tidak dapat menikmati kehidupan awda.
  - ✗ awda terhad kepada bajet ketat, yang dapat dibelanjakan hanya untuk keperluan asas.
  - ✗ awda perlu makan roti dan minum air setiap hari, supaya awda boleh memaksimumkan simpanan awda.

## Bagaimana Perancangan Kewangan Boleh Membantu Awda?

### 1. Membantu mencapai matlamat awda.




Semua orang mempunyai matlamat hidup yang mereka ingin capai. Akan tetapi, tidak semua matlamat adalah percuma. Awda ingin membeli sebuah rumah? Kos rumah boleh mencecah beratus-ratus ribu ringgit. Awda ingin melancong? Itu juga memerlukan wang. Dengan perancangan kewangan, awda boleh belajar untuk mengumpul jumlah yang diperlukan untuk mencapai matlamat tersebut, dan menjadikan impian awda satu kenyataan.



### 2. Memberi haluan dan memastikan awda berada di jalan yang betul.

Sentiasa rujuk semula plan awda untuk memastikan yang awda melakukan perkara yang betul, dan membawa awda lebih dekat kepada matlamat awda. Jika awda mendapati bahawa awda telah tersasar dari matlamat awda, buatlah perubahan yang bersesuaian untuk kembali semula.

### 3. Mencipta masa hadapan yang awda harapkan.



Bayangkan awda berada di pantai menikmati persaraan awda dengan selesa. Atau bayangkan rasanya melangkah kaki ke dalam rumah awda sendiri. Ya, perkara-perkara ini boleh menjadi kenyataan dengan perancangan kewangan.




### 4. Minda yang tenang.

Awda boleh tidur nyenyak kerana mengetahui awda mempunyai plan yang akan membantu awda mengetepikan wang untuk bil-bil, dan masa hadapan awda seperti untuk pendidikan anak-anak awda.


# Gaya Hidup dan Peringkat Kehidupan

Perancangan kewangan bergantung kepada bagaimana awda menjalani kehidupan (gaya hidup), serta peringkat kehidupan awda. Kenali Siti, Nurul, dan Amal:




**Siti**

- Umur: 25
- Baru mula bekerja
- Bertunang, akan berkahwin tahun hadapan
- Matlamat kewangan:
  - Majlis perkahwinan
  - Bulan madu



**Nurul**

- Umur: 25
- Baru mula bekerja
- Bujang, suka melancong
- Matlamat kewangan:
  - Melancong ke seluruh Asia Tenggara Selatan sebelum berumur 30 tahun



**Amal**

- Umur: 52
- Bersara dalam 8 tahun
- Mempunyai 3 orang anak
- Matlamat kewangan:
  - Persaraan yang selesa
  - Pendidikan anak-anak

Kita dapat melihat bahawa mereka menjalankan kehidupan yang sangat berbeza dan mempunyai keutamaan dan matlamat kewangan yang berlainan.

Keutamaan awda akan menentukan pengurusan wang awda - untuk matlamat jangka pendek, awda perlu menyimpan jumlah yang lebih tinggi; untuk matlamat jangka panjang, awda boleh menyimpan jumlah yang lebih kecil kerana mempunyai masa yang lebih panjang untuk mengumpul wang.

Adakah awda patut menyimpan wang untuk persaraan apabila awda berumur 25, seperti Siti, atau 52 seperti Amal? Lebih awal mula menyimpan, lebih baik!

## Apakah matlamat kewangan awda?

Senaraikan tiga matlamat kewangan awda, termasuk kosnya dan jangka masa awda ingin mencapai matlamat-matlamat tersebut. Dari sini, awda bolehlah mengira jumlah yang perlu awda simpan setiap bulan untuk mencapai matlamat-matlamat awda.


Matlamat	Jumlah	Jangka masa	Simpanan bulanan
Contoh: Deposit untuk rumah	\$10,000	Dalam 5 tahun	$\$10,000 \div 5 \text{ tahun} \div 12 \text{ bulan} = \$167.00 \text{ sebulan}$
1.			
2.			
3.			



# Bajet


## Tujuan bajet

- ✓ Memastikan awda tidak berbelanja melebihi daripada pendapatan awda




Untuk membuat bajet, fahami "keperluan" dan "kemahuan" awda. Sebelum awda mula berfikir tentang "kemahuan" awda, awda hendaklah pastikan keperluan harian awda dipenuhi terlebih dahulu.

Tip bajet: Bandingkan harga di kedai-kedai yang berbeza untuk mencari tawaran yang terbaik untuk wang awda!



Pada masa yang sama, menyimpan untuk masa depan adalah sangat penting.

Oleh itu, imbangi keperluan dan kemahuan awda, serta imbangi keperluan seharian dengan matlamat di masa depan.



Jika awda kekurangan wang,  
ingatlah **KDT**

**K**urangkan perbelanjaan: adakah perbelanjaan yang awda tidak perlu buat di sementara waktu ini di dalam bajet awda?

**D**apatkan pulangan yang lebih tinggi: adakah akaun simpanan yang menawarkan pulangan yang lebih bagus?

**T**ingkatkan pendapatan awda: adakah peluang untuk awda menjana pendapatan sampingan?



# Bajet

**Buat bajet awda sendiri!**



Awda boleh mengikut contoh penyata bajet berikut untuk membuat bajet awda sendiri.




<b>Pendapatan:</b>		Contoh: \$1,000	<b>Pendapatan Awda:</b> _____
<b>Perbelanjaan:</b>	<b>% Disarankan</b>	<b>Contoh:</b>	<b>Bajet Awda</b>
Simpanan	10%	\$100	
Beri kepada ibu bapa		\$50	
Derma amal		\$50	
Pakaian	5%	\$50	
Perumahan	30%	\$200	
Makanan/Minuman	15 - 20%	\$150	
Pinjaman	35%	\$200	
Lain - lain			
<b>Jumlah Perbelanjaan:</b>		<b>\$800</b>	
<b>Baki Bersih (lebih atau defisit)</b>		<b>\$1,000 - \$800 = \$200</b>	<b>Baki Bersih:</b> _____

# Simpanan


## Menyimpan dengan tujuan

Kira berapa banyak awda perlu simpan setiap bulan untuk mencapai sasaran kewangan awda. Di sini ada beberapa contoh matlamat kewangan yang awda boleh fikirkan.



1. Dana kecemasan
2. Menunaikan kewajipan agama  
Contoh: Naik Haji
3. Rumah pertama
4. Pendidikan anak
5. Melancong
6. Persaraan

Adakah awda tahu? Satu kajian\* mendapati 49% daripada rakyat Brunei tidak membuat simpanan secara aktif. Mari perbaiki statistik ini dengan mengamalkan budaya simpanan yang lebih kukuh di Negara Brunei Darussalam!



## Berapakah saya perlu menyimpan untuk persaraan nanti? \*\*

1. Apabila saya bersara, berapakah jumlah perbelanjaan bulanan yang saya perlukan?  
contoh: \$1,000 sebulan.
2. Bilakah saya merancang untuk bersara?  
contoh: 60 tahun.
3. Berapa lamakah simpanan persaraan saya dijangka akan menampung kehidupan saya? (i.e berapakah jangkaan hayat saya?)  
contoh: Saya agak sihat dan menjangka hayat saya sekurang-kurangnya 80 tahun. Simpanan persaraan saya hendaklah menampung saya selama 20 tahun selepas saya bersara (80-60=20 tahun).
4. Oleh itu, berapakah jumlah yang patut saya simpan untuk persaraan nanti?  
contoh: 20 tahun x 12 bulan x \$1,000 = \$240,000.
5. Berapakah umur saya sekarang? Berapa tahun lagi saya akan bersara?  
contoh: Sekarang saya 25 tahun. Saya ada 35 tahun lagi untuk bekerja.
6. Berapa perlu saya simpan setiap bulan untuk mencapai simpanan persaraan saya?  
contoh: \$240,000 ÷ 35 tahun ÷ 12 bulan = \$571/setiap bulan.


Menyimpan untuk persaraan yang selesa adalah penting - lebih awal awda mulakan, lebih baik!

Tanya diri awda:



# Simpanan

Adakah awda tahu? AMBD mempunyai mesin deposit duit syiling yang membolehkan awda menyimpan duit syiling awda ke dalam akaun bank awda tanpa sebarang caj tambahan.



## Bagaimana untuk mulakan menabung?

### 1. Simpan dahulu, bukan kemudian!

Pastikan awda menyimpan secara aktif. Ketepikan sebahagian daripada pendapatan awda sebelum berbelanja.



### 2. Gunakan teknologi!

Awda boleh membuka beberapa akaun simpanan di bank untuk setiap matlamat kewangan awda. Seterusnya, awda boleh memberikan arahan kepada bank untuk memindahkan sebahagian daripada gaji awda secara automatik ke akaun-akaun simpanan tersebut.


**3. Bandingkan** produk/perkhidmatan simpanan yang ditawarkan oleh bank-bank dan syarikat insurans/pengendali takaful untuk memastikan awda mendapatkan produk/perkhidmatan yang paling sesuai dengan matlamat kewangan awda.



**4. Jadikan menabung seronok** untuk anak-anak awda bagi memupuk tabiat menabung dari usia muda! Sebagai contoh, tandakan tabung-tabung di rumah dengan matlamat kewangan; atau adakan "Cabaran Menabung".



## Lindungi Kewangan Awda



Bayangkan awda telah menyimpan wang selama beberapa bulan untuk bercuti ke Thailand. Simpanan awda cukup untuk satu tiket penerbangan - \$400. Malangnya, dalam perjalanan awda ke ejen pelancongan, awda mengalami kemalangan kereta yang menyebabkan kerosakan yang memerlukan pembaikan berjumlah \$450. Bayangkan jika awda tidak mempunyai insurans motor atau apa-apa perlindungan untuk membiayai pembaikan itu - dan awda perlu menggunakan simpanan bagi percutian impian awda.


Seperti sebuah rumah yang memerlukan perlindungan, harta dan simpanan awda juga memerlukan perlindungannya tersendiri.



Masa depan tidak dapat diramalkan - ada kemungkinan awda akan dilanda kemalangan yang boleh menjejaskan simpanan awda.

Jadi, apakah yang boleh melindungi kewangan awda? Contohnya termasuk dana kecemasan, takaful/insurans dan wasiat.

Adakah awda tahu? Kaji Selidik Celik Kewangan AMBD-CSPS mendapati 60% daripada rakyat Brunei tidak dapat menampung perbelanjaan mereka lebih daripada dua bulan, jika mereka kehilangan pendapatan mereka.




# Lindungi Kewangan Awda

## ***Berapakah saya perlu simpan untuk dana kecemasan saya?***

Tanpa dana kecemasan, jika seseorang kehilangan pendapatannya atau menghadapi kecemasan, bagaimanakah dia dapat menampung diri sendiri?

Bagaimana dia akan memenuhi keperluannya? Bagaimana dia akan memberi makan kepada anak-anaknya, membeli barangan runcit, dan membayar balik hutangnya?

Adakah adil baginya untuk membiarkan keluarga dan orang-orang yang tersayang tanpa perlindungan (kewangan) dan bergantung kepada orang lain atau pihak berkuasa untuk bantuan? Kita perlu bertanggungjawab dan berdikari dengan kewangan kita dan mencari jalan untuk melindungi diri kita sendiri.



***Satu tip adalah untuk mempunyai dana kecemasan berjumlah sekurang-kurangnya 3-6 kali perbelanjaan bulanan awda.***



Oleh itu, jika sesuatu berlaku, awda boleh menampung diri awda selama sekurang-kurangnya 3-6 bulan. Ini adalah cadangan yang minima - awda boleh menyimpan lebih daripada itu!

***Contoh: Perbelanjaan bulanan = \$900. Oleh demikian, dana kecemasan = \$900 x 6 bulan = \$5,400***

Kira berapa dana kecemasan awda:

Anggaran perbelanjaan bulanan awda = \$\_\_\_\_\_

Dana kecemasan = \$\_\_\_\_\_ x \_\_\_\_\_ bulan = \_\_\_\_\_



# Takaful dan Insurans

## **Perkara-perkara yang harus dipertimbangkan apabila membeli takaful atau insurans**

### **1. Fahami keperluan awda.**

Adakah awda mempunyai keluarga? Siapakah yang paling memerlukan bantuan kewangan jika awda tiada? Berapakah jumlah yang awda perlukan untuk melindungi keluarga awda dari segi kewangan?

Takaful/Insurans adalah sebahagian daripada pengurusan risiko harian. Takaful/Insurans boleh membantu awda jika terjadi perkara yang tidak diingini, seperti kemalangan kereta, kehilangan bagasi semasa bercuti, sakit tenat, atau kecurian.

### **Takaful VS Insurans**

Takaful - awda berkongsi risiko dengan rakan-rakan peserta untuk sumbangan takaful.

Insurans - awda memindahkan risiko kepada syarikat insurans dengan membayar "premium".



Terdapat dua jenis takaful/insurans:

1. Takaful/Insurans Am - melindungi harta seperti kereta, rumah, perniagaan, pekerja, wang, dan lain-lain.

2. Takaful Keluarga/Insurans Nyawa - melindungi orang yang tersayang dan lain-lain.



### **2. Kunjungi pengendali takaful/syarikat insurans atau ejen takaful/insurans.**

Pengendali/Syarikat:

✓ cara mudah dan cepat untuk mendapatkan takaful/insurans.

Ejen:

✓ boleh mewakili sebanyak 3 pengendali takaful/syarikat insurans - awda boleh bandingkan perlindungan dan harga.

✓ boleh memberikan awda nasihat kewangan.

Pastikan awda hanya berurusan dengan ejen takaful atau ejen insurans yang berdaftar di bawah AMBD!



### **3. Mendedahkan maklumat penting.**

- ✓ Kongsikan maklumat penting awda, terutamanya isu-isu kesihatan.
- ✓ Pastikan semua maklumat adalah tepat. Tuntutan awda boleh ditolak sekiranya maklumat awda tidak betul.



# Takaful dan Insurans

## 4. Baca terma dan syarat.

### ✓ Perlindungan

Pastikan awda dilindungi daripada risiko-risiko yang dikehendaki, misalnya, semak dengan pengendali/syarikat awda jika awda mahu cermin hadapan kereta awda dilindungi.

### ✓ Pengecualian

Tanyakan apa yang dilindungi dan tidak dilindungi oleh pelan takaful/insurans awda. Contoh: Awda membeli polisi insurans perjalanan tetapi awda tiba lewat di lapangan terbang. Ini adalah satu pengecualian biasa di dalam dasar polisi kembara. Oleh itu, awda tidak boleh mendapatkan bayaran balik untuk tiket awda.


### ✓ Tuntutan

Setiap polisi mempunyai jangkamasa berbeza untuk awda membuat tuntutan. Misalnya, awda perlu menghantar borang kepada pengendali takaful/syarikat insurans kenderaan awda dalam 7 hari selepas tarikh kemalangan. Jika tidak, tuntutan awda mungkin tidak akan dilayan.

## 5. Simpan dokumen-dokumen awda dengan selamat!

Dokumen tersebut mengandungi maklumat yang penting mengenai polisi awda! Simpan di tempat yang selamat. Dokumen-dokumen ini akan diperlukan sekiranya sebarang isu timbul pada masa akan datang.

Awda juga boleh mengimbas kod QR ini untuk maklumat lanjut.



## 6. Fahami bagaimana untuk buat tuntutan.

### PROSEDUR TUNTUTAN

Ini merupakan prosedur piawai bagi kebanyakan produk takaful/insurans secara umum.

**Langkah 1:** Buat laporan polis untuk insiden melibatkan kemalangan jalan raya, kematian/kecederaan tidak sengaja, atau jika berlaku kecurian.

**Langkah 2:** Maklumkan pengendali takaful/syarikat insurans awda dengan segera.

**Langkah 3:** Sediakan semua dokumen-dokumen yang berkenaan, contoh: polisi awda, resit untuk benda-benda yang berkenaan.

**Langkah 4:** Hadapkan borang tuntutan yang disediakan oleh pengedali takaful/syarikat insurans awda bersama dokumen sokongan yang berkaitan.

### PROSEDUR TUNTUTAN 'MOTOR CLAIM GUIDELINES' (MCG)

Prosedur ini boleh digunakan untuk kebanyakan kemalangan kenderaan\*.

**Langkah 1:** Membuat pertukaran maklumat dengan pihak yang terlibat: Nama, Maklumat Kad Pintar, No. Tel, Alamat, dan Pengedali Takaful/Syarikat Insurans.

**Langkah 2:** Catat nombor plat lesen kenderaan dan ambil gambar tempat kemalangan tersebut.

**Langkah 3:** Hubungi pengendali takaful/syarikat insurans awda untuk proses penarikan kenderaan, atau untuk mendapatkan nasihat lanjut.

**Langkah 4:** Buat laporan rasmi dan bawa kenderaan awda (samada mengalami kerosakan ataupun tidak) ke pusat laporan kemalangan dalam tempoh 24 jam ataupun keesokkan hari waktu bekerja.

\*MCG tidak akan dikenakan kepada kemalangan yang membawa kepada kecederaan atau kematian, yang melibatkan harta Kerajaan Brunei, atau mana-mana kenderaan yang dilesenkan atau diinsuranskan untuk mengangkut penumpang untuk sewa atau hadiah (contoh. teksi atau bas).




# Pinjaman

**Perkara-perkara harus dipertimbangkan apabila mendapatkan pinjaman**

## 1. Fahami keperluan awda.

Kenapakah awda memerlukan pinjaman? Adakah ia untuk keperluan atau kemahuan? Adakah terdapat produk atau perkhidmatan kewangan yang akan memenuhi keperluan awda? Berapa banyak yang perlu awda pinjam? Awda tidak perlu meminjam jumlah yang maksimum, walaupun ditawarkan sedemikian.



**ATAU**




## 2. Buat perbandingan.

Pastikan awda berkunjung ke bank-bank yang berbeza untuk mengetahui tawaran mereka dengan lebih lanjut. Adakah Bank A menawarkan kadar yang lebih baik daripada Bank B? Adakah terdapat lebih banyak faedah jika meminjam daripada pakej Bank C? Cari tawaran yang terbaik untuk awda!

## 3. Pinjam dari institusi kewangan yang berlesen.

Meminjam daripada peminjam wang tidak berlesen (seperti Ah Long) adalah sangat berbahaya. Amalan biasa Ah Long termasuk mengenakan kadar faedah yang terlalu tinggi, memegang kad ATM awda selama yang mereka mahu, serta menggunakan taktik agresif untuk mendapatkan semula hutang itu.



## 4. Baca dan fahami terma dan syarat kemudahan kredit.

Ini adalah penting terutamanya bagi cetakan halus – dan jangan sesekali menandatangani perjanjian secara membuta! Memahami tanggungjawab awda dan semua yuran yang dikenakan adalah sangat penting.

# Pinjaman



## 5. Jangan takut untuk bertanya soalan.

Jika awda tidak memahami sebahagian aspek pinjaman, awda mempunyai hak untuk meminta ejen jualan untuk menjelaskannya sehingga awda faham. Ingat, jangan sesekali melibatkan diri awda ke dalam sesuatu yang awda tidak faham dengan sepenuhnya.

## 6. Jadi pengguna yang bertanggungjawab.

Sentiasa membayar pinjaman awda tepat pada masanya, dan secara sepenuhnya.




### **Akibat tidak membayar pinjaman awda tepat pada masanya atau tidak dengan sepenuhnya:**

- Awda akan dikenakan yuran pembayaran lewat - ini akan dimasukkan ke dalam penyata bil awda.
- Baki hutang awda akan meningkat disebabkan pengkompaunan faedah. Terdapat kes di mana individu "lupa" tentang bil kad kredit mereka, dan kemudian dikenakan caj menyebabkan baki melonjak sehingga berpuluh-puluh ribu ringgit.
- Sejarah pembayaran awda akan terpapar di dalam laporan kredit awda (maklumat lanjut selepas ini).
- Ia boleh menjejaskan permohonan pinjaman masa depan awda. Misalnya, awda mungkin akan dikenakan kadar faedah yang lebih tinggi dan perundingan untuk mendapatkan kadar yang lebih baik akan menjadi sukar kerana sejarah pembayaran awda yang tidak memuaskan.



## 7. Simpan dokumen awda dengan selamat!



Dokumen awda mengandungi maklumat yang penting mengenai kemudahan pinjaman awda. Pastikan ianya disimpan di tempat yang selamat. Ianya mungkin diperlukan pada masa akan datang.



## Peranan AMBD

AMBD mengawalselia institusi kewangan di Negara Brunei Darussalam. AMBD juga mengeluarkan Notis dan Garis Panduan dari masa ke semasa bagi memastikan kekukuhan dan kestabilan sektor kewangan.



Satu peraturan penting yang telah dikeluarkan pada 2015 adalah 'Total Debt Service Ratio' (TDSR).

TDSR menghadkan pembayaran balik bulanan awda kepada 60% dari gaji bulanan bersih (untuk pendapatan bulanan bersih antara BND1,750.00 hingga BND9,999.99 sahaja. Segmen pendapatan lain adalah tertakluk kepada penilaian institusi kewangan). Antara objektif peraturan ini adalah untuk menggalakkan pengurusan kewangan peribadi yang lebih baik, dan memastikan individu tidak mempunyai hutang yang berlebihan.

Mulai 10 Ogos 2017, TDSR boleh ditingkatkan daripada 60% kepada 70% maksima untuk pembelian atau pembinaan baru hartanah seperti rumah. Mulai 9 November 2017, bank-bank termasuk Perbadanan TAIB dibenarkan untuk melebihi had TDSR maksima 60% bagi beberapa kemudahan kredit termasuk kemudahan pembiayaan Mortgage Equity dan kemudahan kredit yang dijamin sepenuhnya seperti yang dicagarkan dengan wang tunai dan simpanan tetap tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.


Peraturan TDSR memastikan bank membuat penilaian yang bersesuaian dan meminjam dengan bertanggungjawab. Walaupun TDSR menghadkan pembayaran balik pinjaman bulanan awda sehingga 60%, beberapa amalan perancangan kewangan mencadangkan untuk nisbah ini pada 35%.

**AMBD dan Biro Kredit tidak meluluskan atau menolak mana-mana permohonan pinjaman. Semua permohonan pinjaman ditentukan oleh bank masing-masing.**

Awda digalakkan untuk menguruskan kewangan awda dengan bijaksana. Selain daripada meminjam wang, apakah jalan lain yang boleh awda buat? Jadilah orang yang berdisiplin dan bertanggungjawab, dan cuba untuk menabung terlebih dahulu sebelum memilih opsyen pinjaman. Kehidupan yang bebas dari hutang juga hendaklah menjadi satu matlamat kewangan awda!

Untuk maklumat lanjut mengenai Perundangan dan Peraturan AMBD, awda bolehlah layari laman web AMBD di <http://www.ambd.gov.bn/Pages/Legislation-And-Regulations>

Awda juga boleh mengimbas kod QR ini untuk maklumat lanjut.



**Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan AMBD**




## Biro Kredit

Apabila sebuah bank menerima permohonan pinjaman, bank akan melihat laporan kredit untuk menilai kedudukan kredit pemohon, termasuk ketepatan masa pemohon membuat pembayaran balik hutang yang sedia ada.

Dari situ, bank akan membuat penilaian dan memutuskan sama ada mereka akan meluluskan atau menolak permohonan pinjaman awda.

## بيرو كرجا ديت Biro Kredit

Laporan kredit mengandungi semua maklumat kredit awda seperti yang dilaporkan oleh semua bank awda. Maklumat dikutip oleh Biro Kredit dan disatukan ke dalam satu laporan kredit. Awda bertanggungjawab untuk memeriksa laporan kredit awda sendiri untuk memastikan semua maklumat awda betul dan dikemaskinikan.




Ingat: Tidak kira pinjaman itu untuk siapa atau untuk apa, jika dikeluarkan di bawah nama awda, ia akan disenaraikan di dalam laporan kredit awda.



Untuk maklumat lanjut mengenai Biro Kredit, awda boleh layari laman web AMBD di <http://www.ambd.gov.bn/birokredit>.

Awda juga boleh mengimbas kod QR ini untuk maklumat lanjut.



**Biro Kredit**




# Pelaburan

## ***Bila sepatutnya awda memulakan pelaburan?***


Awda hendaklah belajar bagaimana untuk **MENABUNG** dan **MELINDUNGI** wang awda sebelum awda boleh mula melabur.

Sebaik sahaja awda betul-betul berdisiplin dalam menyimpan wang dan mempunyai takaful/insurans bagi diri awda, maka sebahagian daripada simpanan boleh digunakan untuk pelaburan untuk menjana pendapatan lebih.

Awda seharusnya melabur menggunakan wang lebihan awda, kerana hasil daripada pelaburan adalah tidak menentu.



- ✓ Awda seharusnya melabur jika mempunyai wang lebihan dan **SETELAH** awda mempunyai simpanan dan perlindungan yang sepatutnya.
- ✓ Buat pelaburan dengan institusi kewangan berlesen sahaja.
- ✓ Fahami risiko produk dan perkhidmatan pelaburan tersebut.
- ✓ Ingat: Pulangan Tinggi = Risiko Tinggi!
- ✓ Kunjungi Perancang Kewangan yang berlesen untuk khidmat nasihat.



Adakah awda tahu? Terdapat banyak saham dan dana yang mematuhi syariah ditawarkan di dalam dan di luar negara. Awda boleh berjumpa dengan perantara kewangan yang dilesenkan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenainya.

## ***Di mana melabur?***

Cari institusi kewangan berlesen - ini adalah jalan yang terbaik untuk memulakan pelaburan awda.

Melalui entiti berlesen, awda boleh melabur dalam pelbagai jenis alat kewangan seperti saham dan dana bersama.



# Pelaburan

## Apa yang dilaburkan?

### Saham

- Saham bermakna menyediakan modal kepada syarikat, sama ada untuk permulaan atau untuk mengembangkan perniagaan.



- Awda menjadi pemegang saham atau pemilik syarikat.



- Awda boleh mengharapkan pulangan sama ada dari pembayaran-pembayaran dividen atau keuntungan modal dari harga saham.



- Dividen dibayar dari keuntungan syarikat. Kenaikan dan penurunan harga saham adalah berdasarkan permintaan dan penawaran saham.



- Di Negara Brunei Darussalam, syarikat yang menawarkan perkhidmatan untuk membeli dan menjual saham kepada orang ramai dikawalselia oleh AMBD.

### VS

### Dana bersama

- Dalam dana bersama, wang awda disatukan bersama-sama dengan wang pelabur-pelabur lain dan ke dalam pelbagai sekuriti (seperti saham, bon dan lain-lain).



- Dana diuruskan oleh pengurus pelaburan profesional/pengurus dana.



- Dana bersama boleh menawarkan kepelbagaian dan akses kepada pelbagai aset atau pasaran dengan jumlah wang yang kecil.



- Di Negara Brunei Darussalam, semua dana yang ditawarkan kepada pelabur runcit adalah berdaftar atau berlesen sebagai Skim Pelaburan Kolektif. Syarikat yang menawarkan dana kepada orang ramai adalah dikawalselia oleh AMBD.



# Penipuan Kewangan




Kita mesti sentiasa berhati-hati dengan apa yang kita lakukan dengan wang kita. Malangnya, terdapat banyak kejadian penipuan kewangan dan lebih malang lagi, ramai orang terjerumus dalam penipuan ini.

Tidak kira apa latar belakang mereka – samada kaya atau tidak; berpendidikan tinggi atau tidak - AMBD, serta Pihak Berkuasa yang lain telah menerima beberapa laporan penipuan kewangan. Jadi, bagaimanakah awda boleh melindungi diri awda daripada penipuan kewangan ini?

## ***Kenali tanda-tanda penipuan kewangan!***

1. Penipuan kewangan selalu menawarkan pulangan yang tinggi, dengan risiko yang rendah atau tanpa risiko dalam tempoh masa yang singkat.



2. Pengendali penipuan kewangan sering menyamar diri mereka sebagai pemasaran pelbagai tingkat, tanpa menawarkan produk. Sebaliknya, mereka fokus pada pengambilan ahli-ahli, di mana yuran keahlian mereka digunakan untuk membuat pendapatan atau pulangan untuk ahli-ahli yang awal.

3. Biasanya pengendali tersebut juga akan mengenakan beberapa bayaran untuk menuntut ganjaran, seperti di dalam kes penipuan SMS, atau yuran kecemasan untuk membantu orang tersayang seperti di dalam kes penipuan cinta internet.



Contoh penipuan kewangan termasuk: skim cepat kaya; skim piramid; penipuan cinta internet; penipuan mendapatkan maklumat mangsa; penipuan kad kredit; penipuan pekerjaan; cabutan SMS bertuah dan lain-lain.




# Penipuan Kewangan

**Pastikan awda hanya berurusan dengan institusi kewangan yang BERLESEN!**

1. Layari laman web AMBD untuk mendapatkan senarai institusi kewangan yang berlesen.



Awda juga boleh mengimbas kod QR ini untuk maklumat lanjut.



**Senarai Institusi-  
Institusi Kewangan  
Yang Berlesen**

Awda juga boleh mengimbas kod QR ini untuk maklumat lanjut.




**'Alert List' AMBD**


2. Layari laman web AMBD untuk mendapatkan 'Alert List' - ini adalah senarai syarikat dan laman web yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan yang berkaitan yang ditadbir oleh AMBD atau aktiviti yang disyaki menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang.




3. Melalui aplikasi mudah alih AMBD, awda juga boleh memeriksa sama ada entiti tersebut dilesenkan atau sebaliknya.



Awda juga boleh mengimbas kod QR ini untuk muat turun aplikasi mudah alih AMBD.



**iOS**



**Android**

**JANGAN dedahkan maklumat bank awda kepada orang yang tidak diberikan kebenaran atau tidak dikenali!**

Penipu boleh menyamar sebagai pegawai atau kakitangan bank, dan akan meminta maklumat bank awda. Pastikan awda tidak mendedahkan maklumat bank awda kepada orang yang tidak dikenali.

















# Siapakah Kami: Isu Pengguna Kewangan

Buku ini diterbitkan oleh Isu Pengguna Kewangan, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD).

Keyakinan dan kepercayaan pengguna dalam pasaran perkhidmatan kewangan adalah penting untuk menggalakkan kestabilan kewangan, pertumbuhan, kecekapan, dan inovasi dalam jangka masa panjang.

Isu Pengguna Kewangan berfungsi untuk melaksanakan inisiatif yang bersesuaian dalam mengukuhkan dan meningkatkan kelakuan pasaran, ketelusan dan pendedahan; untuk menggalakkan celik kewangan dan rangkuman kewangan; dan untuk mengendalikan aduan orang ramai terhadap institusi kewangan berlesen.

## Hubungi Kami:

 fci-edu@ambd.gov.bn

 +673 238 2615

 Alamat Perjumpaan:


Autoriti Monetari Brunei Darussalam  
Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Commonwealth Drive, BB3910  
Negara Brunei Darussalam

## Waktu Perkhidmatan:


Isnin – Khamis	:	8:00pagi - 11:30pagi
	:	1:45ptg - 4:30ptg
Jumaat	:	8:15pagi - 11:00pagi

Tutup pada Hari Sabtu, Ahad dan hari kelepasan awam.

**Bagi maklumat lanjut mengenai topik-topik dalam buku ini, imbas kod QR!**



**Mengenai AMBD**



**Maklumat Lanjutan Mengenai Pendidikan Kewangan**